

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

22. Bilakah Projek City Of Dream Fasa 2 nilai RM1.2 billion akan dimulakan?
- (a) Sila bentangkan kedudukan tanah 100 ekar yang diserahkan kepada syarikat konsesi terowong di Gurney Drive.
  - (b) Apakah benar tanah 100 ekar akan dibangunkan dengan Projek Wellness City Of Dream dengan nilai projek RM15 billion dan apa kedudukan projek ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Projek *City of Dream* terletak di atas lot 702, Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang seluas 3.67 ekar. Permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini dikemukakan oleh Syarikat Ewein Zenith Sdn. Bhd. bagi cadangan mendirikan dua (2) blok pangsaapuri perkhidmatan (572 unit) 39 tingkat dan satu tingkat bawah tanah. Permohonan ini telah diluluskan dengan bersyarat oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 17 Mac 2015. Pada ketika ini, kerja-kerja pembinaan masih dijalankan.

Bagi projek *City of Dream* Fasa 2, setakat ini tiada sebarang permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan oleh pihak pemaju kepada MBPP.

- (a) Tanah seluas 110 ekar di kawasan Sri Tanjung Pinang 1 (STP1), Sri Tanjung Pinang 2 (STP2) dan Gurney Wharf telah dikenal pasti untuk pembayaran keseluruhan projek

Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah membuat pembayaran kepada syarikat konsesi Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) bagi penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci bagi projek Jalan-Jalan Utama yang melibatkan kos sebanyak RM208,755,080.00 menerusi pemberimilikan tanah seluas 5.67 ekar iaitu lot 702 (3.67 ekar) dan lot 713 (2.0 ekar) di kawasan Sri Tanjung Pinang 1 (STP 1).

- (b) Pada ketika ini, tanah 100 ekar tersebut masih lagi dalam proses penambakan. Tiada sebarang permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan oleh pihak pemaju bagi Projek *Wellness City of Dream* kepada MBPP.